

UUM/AABO/BH/4.6.2010/N.P(1-3)



KERAJAAN sepatutnya membuka mata apakah segala dasar digubal sebelum ini betul-betul dapat membentuk peniaga Bumiputera berdaya saing.

Md Shukri Sharib



MBE kena peka pembangunan masa depan ekonomi Melayu

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bahawa Model Baru Ekonomi (MBE) masih belum dimuktamadkan, menunjukkan bahawa masih wujud peluang dan ruang bagi pihak kerajaan untuk mempertimbangkan pelbagai cadangan serta resolusi dikemukakan pelbagai pihak.

Resolusi yang dibentangkan kepada pihak kerajaan melalui pelbagai siri wacana dan perbincangan yang menjadi satu gabungan rungutan, isu serta kekhawatiran yang juga datang bersamanya cadangan alternatif dilihat sebagai 'suara rakyat' demi memantapkan keberhasilan usaha kerajaan memacu hala tuju ekonomi masa depan negara.

Bagi Najib, apa juga kepentingan dan permainan politik, nasib masyarakat Melayu menjadi keutamaannya dan kerajaan. Bahkan hala tuju ekonomi dan pembangunan masyarakat Melayu ini wajar mendapat perhatian khusus dan serius pihak kerajaan. Hal kepentingan Melayu tidak harus dipolitikkan, diketepikan apatah lagi dihapuskan.

Apa saja yang berkaitan kepentingan umat Melayu di negara ini seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan hasil kompromi di bawah wacana pemimpin berbilang kaum dulu, yang diterjemahkan atas janji kontrak sosial, perlu dipertahankan dan dimantapkan bagi manfaat generasi kini dan masa depan.

Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan baru-baru ini nyata sekali memaparkan satu manifestasi kebimbangan dan keprihatinan masyarakat asal terbesar di negara ini terhadap kepentingan komuniti Bumiputera demi kedudukan umat majoriti ini dalam kedudukan mereka pada ekonomi masa depan negara nanti.

MBE yang menjadi acuan ekonomi masa depan tidak patut digubal dalam perasaan 'malu' untuk memperlihatkan pengisian berterusan perjuangan bagi meningkat serta membangunkan umat Melayu dengan lebih kukuh dan berterusan.

MBE ini juga tidak harus mengabaikan matlamat dan input positif daripada dasar ekonomi sebelumnya yang sudah sekian lama mendasari corak pembangunan negara, Dasar Ekonomi Baru serta Dasar Wa-

wasan Negara (Wawasan 2020) perlu terus diperkukuhkan terutama dalam membantu meningkatkan keupayaan anak watan negara ini.

Membangunkan ekonomi Melayu bermakna membangunkan ekonomi umat Islam. Justeru, MBE ini adalah platform jihad pembangunan dan ekonomi yang amat signifikan yang perlu difikir dan dilaksanakan bersama.

Seluruh umat Melayu di negara ini harus memahami bahawa masa depan ekonomi Malaysia yang juga negara Islam perlulah dipastikan kukuh supaya ia bukan saja mampu memberi manfaat, malah menjadi model pembangunan ekonomi dunia Islam seperti dicetuskan Najib pada Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) baru-baru ini.

Namun, hasrat ini tidak akan menjadi model yang unggul, jika prestasi kemajuan pembangunan umat Melayu dan Islam tidak bersungguh-sungguh dijayakan menerusi MBE. Tidak ada gunanya jika MBE dibentang dengan idea dan pelbagai cetusan hasrat futuristik untuk negara, tetapi pada masa sama, nasib ekonomi anak watan serta umat majoriti negara ini tidak terbelah.

Pakar ekonomi bersama aktivis masyarakat dalam negara harus bersama memahami bahawa segala dasar yang akan dilaksanakan kerajaan perlulah kekal berteraskan kepada agenda memakmurkan anak watan, dan pada masa sama, kesan limpahan pelbagai sokongan pembangunan ekonomi yang disalurkan kerajaan ini akan pastinya turut memberikan impak niaga kepada lain-lain kaum di negara ini.

Lihat saja kesan rantaian projek dilaksanakan kerajaan, walaupun projek diserahkan bagi dimajukan usahawan Melayu, atas asas ekonomi jaringan 1Malaysia, maka modal bagi pembangunan ada kalanya dikongsi bersama kaum lain.

Inilah dulunya terkenal dengan sebutan projek 'ali-baba' dan pemodal Cina diajak berkongsi dana dan kaum Melayu yang ditawarkan projek akan mendapat pengalaman baru dalam dunia usahawan, dengan kaum Melayu akan belajar bagaimana projek dibangunkan dan akhirnya peratusan perkongsian serta keuntungan secara tidak formal itu, menjadi punca asas kepada kekayaan bagi pemegang projek.

Inilah sebenarnya dikatakan kaedah pembetulan, dan semua pihak mendapat manfaat. Bayangkan jika semua projek harus diberikan secara merit tanpa ada kaedah sokongan terhadap Bumiputera, pastinya kaum Cina yang lebih bersedia dengan pengalaman niaga dan pengendalian projek akan mendapat perhatian berasaskan merit.

Akhirnya yang kaya akan terus makmur, dan yang miskin dan tidak mempunyai merit serta pengalaman awal, akan terus diketepi dan dibiarkan mundur. Ini pasti bukan cara Malaysia.

Dasar pembangunan negara yang berlegasi pencapaian mewujudkan kelas atasan dan menengah Melayu yang semakin membesar membuktikan bahawa agenda pembetulan kerajaan di sektor ekonomi walaupun secara peratusan pemilikan pasaran negara bagi kaum Melayu masih kurang daripada sasaran, atas kebijaksanaan pengubal dan pelaksana polisi, ramai Melayu mendapat manfaat.

Lihat saja betapa rangsangan biasiswa dan pinjaman yang dijanjikan kerajaan bagi memberi kemudahan pelajaran hingga ke peringkat tinggi, menyediakan peluang memperbaiki masa depan menerusi penguasaan ilmu, potensi serta kerjaya yang jauh lebih baik daripada generasi sebelum mereka. Inilah nikmat pacuan ekonomi berasaskan tindakan pembetulan dalam dasar dan asas segmen ekonomi negara.

Semua ini hanya boleh dilakukan pihak kerajaan. Jika menunggu inisiatif swasta, hanya keuntungan berbentuk fizikal yakni wang yang menjadi harapan mengukur prestasi niaga mereka. Tetapi bagi kerajaan, pastinya falsafah memberikan peluang kemajuan modal insan serta penambahbaikan sara hidup rakyat, menjadi satu ukuran dalam KPI atau 'keuntungan' bagi negara.

MBE ini juga harus menekankan bukan soal keuntungan wang atau fizikal, sebaliknya penekanan kepada dorongan berterusan kerajaan kepada rakyat untuk memajukan diri harus menjadi keutamaan. Apa gunanya negara kaya dengan wang ringgit, tetapi rakyatnya miskin dan potensi tidak dapat dibangunkan.

Penulis ialah pensyarah politik ekonomi di Universiti Utara Malaysia